

03 MAR 2000

Khalil-Mesyuarat

PENCALONAN BAHAGIAN TAWAU DIRUJUK KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Keputusan Umno bahagian Tawau mencalonkan hanya dua nama bagi jawatan naib presiden parti akan dirujuk kepada Majlis Tertinggi bagi memastikan sama ada ia memenuhi syarat.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata bahagian itu pada pesidangan perwakilannya semalam hanya menamakan dua calon dan bukan tiga seperti yang dikehendaki.

"Saya berpendapat pencalonan mereka bagi jawatan presiden dan timbalan presiden sah tetapi untuk naib presiden, oleh kerana mereka mencalonkan hanya dua nama, perkara ini perlu dirujuk kepada Majlis Tertinggi untuk diputuskan," katanya.

MT dijadual bermesyuarat Ahad ini.

Umno Tawau, yang pertama di kalangan 165 bahagian mengadakan mesyuarat perwakilannya, telah mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden.

Bahagian itu bagaimanapun hanya menamakan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Haji Sukam dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad bagi jawatan naib presiden.

Semua bahagian Umno dikehendaki mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing pada Mac ini menjelang pemilihan parti pada Mei.

Khalil mengingatkan bahagian-bahagian supaya memastikan proses pencalonan untuk pemilihan itu menepati kehendak Majlis Tertinggi dan amalan parti.

Ini termasuk mengemukakan bilangan calon yang bertepatan dengan jumlah yang dikehendaki, misalnya masing-masing seorang untuk jawatan presiden dan timbalan presiden, tiga nama untuk jawatan naib presiden dan 25 untuk kerusi Majlis Tertinggi.

"Kita mahu bahagian-bahagian mengisi nama calon sesuai dengan bilangan mengikut keperluan," katanya.

Khalil berkata nasihat itu juga ditujukan kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita bahagian yang turut akan membuat pencalonan masing-masing untuk jawatan ketua dan naib ketua.

Mereka yang dicalonkan pula akan diminta menyatakan sama ada menerima pencalonan atau sebaliknya.

Khalil berkata senarai akhir mereka yang bertanding dijangka dikeluarkan pertengahan bulan depan.

Pemilihan pucuk pimpinan Umno akan diadakan 11 Mei dan ia didahului dengan pemilihan bagi pergerakan Pemuda dan Wanita.

Ketika diminta mengulas keputusan kerajaan membenarkan Harakah diterbitkan dua kali sebulan dan bukan dua kali seminggu seperti dulu, Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata : "Selama ini, memang mereka melampaui syarat keizinan yang ditentukan termasuk dengan mengeluarkan berita-berita yang lari langsung daripada hakikat sebenar."

Beliau berkata bahawa sebagai sebuah akhbar parti, Harakah patut menumpukan kepada berita-berita yang menyentuh parti berkenaan.

-- BERNAMA

mam mai